



Sari 25 (2007) 147 - 169

## Tanggapan Pengarang Riau terhadap Budaya Bandar di Pulau Jiran

JAN VAN DER PUTTEN

### ABSTRAK

*Rencana ini adalah kajian atas Syair Ghayat al-Muna, sebuah syair karangan Abu Muhammad Adnan, seorang bangsawan dan cendekiawan di Pulau Penyengat, Riau. Karya itu dibuatnya pada awal abad ke-20 untuk dicetak di industri percetakan yang sedang pesat perkembangannya di pulau jiran, Singapura. Industri percetakan itu dimotori pelbagai kelompok etnik yang berusaha mencetak identiti baru, seperti Jawa, Jawi Peranakan dan Melayu Riau. Namun, persaingan dengan percetakan kolonial akhirnya menewaskan percetakan litografi yang diadakan kaum bumiputera. Percetakan litografi itu berpusat di Kampung Gelam, dekat pelabuhan Sungai Rochor, yang berpadan dengan kegiatan perdagangan serta industri haji. Di Singapura muncul budaya baru yang sifatnya bercampur-aduk antara berbagai pengaruh dari luar yang menyatu dengan budaya tempatan. Buku dan majalah asing dengan bebas berkeliaran dan berbagai terjemahan dalam bahasa Melayu muncul di pasaran buku. Selain itu, bentuk budaya baru bermunculan dan menjadi popular, seperti pantun Baba, filem serta teater bangsawan. Syair yang dikaji dalam rencana ini harus ditafsirkan sebagai tanggapan terhadap budaya bandar itu yang meluap ke Kepulauan Riau: ditulis atau diterjemahkan untuk dilancarkan ke pasaran buku dan ceritanya merupakan bahagian dari repertoire teater bangsawan. Cara penyampaian cerita dengan personifikasi pihak-pihak yang terlibat dalam penulisan cerita serta pembubuhan ilustrasi ke dalam naskah tulisan tangan untuk mendukung jalan cerita serta menarik minat pembaca mengingatkan kita kepada karya Syed Sheikh al-Hadi yang terbit pada tahun 1920-an. Dalam diskusi mengenai keaslian Hikayat Faridah Hanom itu seharusnya kita tidak hanya mencari karya aslinya dalam bahasa Arab, tetapi lebih penting kita meneliti keadaan dan suasana yang berlaku di Singapura pada masa pergantian abad itu.*

*Kata kunci: Syair Ghayat al-Muna, Abu Muhammad Adnan, Pulau Penyengat, Singapura, percetakan, budaya bandar*

### ABSTRACT

*This is a study of Syair Ghayat al-Muna, a poem written by Abu Muhammad Adnan, a member of the nobility in Pulau Penyengat and an intellectual of the*



*Riau Islands. He wrote or translated the poem for the burgeoning printing industry in Singapore. This indigenous printing industry was in the hands of several ethnic groups, contributing to the forging of new identities, such as the Javanese, Indian Muslims and later, Malays from the islands. However, competition from the colonial and capital-intensive printing firms eventually proved too stiff, and Malay printing petered out (for the time being). The indigenous lithographic presses were located at Kampung Gelam, near Rochor River, where the Muslim trade and pilgrimage firms were concentrated, and with which the printing was intimately connected. In Singapore a hybrid culture rapidly developed during this period. Foreign books and magazines circulated freely and Malay translations appeared on the book market. Several new hybrid art forms appeared and rose to popularity, such as Baba pantuns, film and bangsawan theatre. The syair discussed here should be interpreted in relation and as a reaction to the developing urban culture that had spilled over onto neighbouring islands: it was written or translated for the printing industry and the story was part of the repertoire of the bangsawan theatre. Furthermore, the way the story is presented, with personification of the different parties involved in the literary process (narrator, pen, ink, etc.) and with the inclusion of illustrations in the manuscript to support the story visually, is reminiscent of Syed Sheikh al-Hadi's book published in the 1920s. Therefore, a discussion about the originality of his Hikayat Faridah Hanom should not only be focused on the Arabic original, but should more importantly look into the cultural atmosphere in Singapore at the turn of the century.*

*Key words: Syair Ghayat al-Muna, Abu Muhammad Adnan, Pulau Penyengat, Singapore, printing industry, urban culture*

## PENGANTAR

Industri percetakan Melayu yang muncul di kota-kota di Semenanjung, khususnya Singapura, pada akhir abad ke-19, sudah disenaraikan dan dianalisis dengan cermat dan hebat oleh Ian Proudfoot (1986, 1993 & 1994). Dari tulisannya, kita mendapat gambaran mengenai industri percetakan yang memakai teknik litografi pada awalnya, dan mulai sekitar pergantian abad itu beralih kepada teknik percetakan tipografi. Masa itu industri kecil-kecilan di rumah peribadi berubah menjadi industri yang memerlukan modal yang besar dan pengurusan yang lebih profesional dengan antara lain membezakan pencetak, penerbit dan penjual buku. Penerbitannya rata-rata terdiri daripada kitab yang mengandungi pelajaran agama Islam dan juga cerita-cerita popular berupa hikayat dan khususnya syair, yang menjadi genre popular dewasa itu. Banyak cerita dikitar-balik atau dikitar semula (*recycled*), namun ada juga cerita baru yang dikarang khusus untuk industri percetakan. Cerita-cerita itu lazimnya



mengandung pelajaran bagi pembaca atau pendengar dan juga tidak kurang pentingnya adalah sifat melipur hati pilu pembaca. Belajar sambil berhibur, atau sebaliknya menghiburkan diri sambil diajari. Penyifatan seperti itu dapat sahaja menggolongkan hasil cetakan itu ke dalam kategori “sastera popular”: cerita-cerita yang dibaca banyak orang dan oleh itu, tidak terlalu berat sifat mengajari dan “nilai sasteranya”. Namun, sastera popular itu juga beranggapan adanya kelompok pembaca yang cukup besar yang mampu membeli serta mencernakannya sendiri, tanpa adanya pihak perantara yang menjelaskannya. Dalam hal Semenanjung Tanah Melayu, sumber kolonial dan kajian setelahnya biasanya menyatakan betapa kecilnya jumlah orang Melayu yang celik huruf: kebanyakannya masih hidup “di dalam dunia niraksara yang gelap”, kononnya. Namun, seandainya keadaan memang demikian, bagaimana mungkin industri percetakan berbahasa Melayu dapat hidup dan berkembang? Untuk apa orang Melayu membeli buku atau surat khabar jikalau tidak boleh dibaca? Untuk dipamerkan di dalam perpustakaan peribadinya, agar terpandang dalam masyarakat di sekitarnya sebagai orang yang arif lagi bijaksana? Jelas ini sebuah paradoks yang menjolok mata yang belum dapat dijelaskan dengan memuaskan.

Dalam kajian manuskrip Nusantara, ada berbagai hal yang belum dibincangkan secara mendalam, seperti pertanyaan “siapa pembacanya?” (atau “pendengarnya” kerana cerita lama biasanya dibacakan di depan khalayak ramai). Biasanya biodata si pengarang atau penyair sahaja sudah tidak ada serta tahun dan tempatnya di mana karangan dibuatnya tidak tercantum dalam naskahnya. Kalau begitu, bagaimana dapat melacak dan mengetahui khalayak tujuannya? Yang juga menjadi suatu batu sandungan dalam kajian ini, atau dapat juga dianggap sebagai “lubang hitam”, adalah pergantian antara dua tradisi, misalnya antara “tulisan Melayu klasik” kepada “sastera Malaysia/Indonesia moden”. Baharu dalam tahun-tahun belakangan ini terdapat beberapa orang penyelidik mulai mengkaji tulisan yang klasik bukan dan moden pun tidak, iaitu tulisan yang susah digolongkan ke dalam kategori yang sedia ada (Chambert Loir 1991).

Dalam rencana ini, saya juga ingin membahas sebuah karya yang susah dikelaskan dalam kategori ‘klasik’ atau ‘moden’, yang dicetak pada alat cetak batu di Singapura, tetapi juga terselamat dalam bentuk manuskrip di Pulau Penyengat, Riau, tempat ia ditulis. Pengarang diketahui namanya dengan sedikit latar belakang peribadinya: Raja Haji Abdullah bin Raja Hassan bin Raja Ali Haji, alias Abu Muhammad Adnan. Dalam rencana ini, saya membincangkan karya *Syair Ghayat al-Muna* dalam kaitannya dengan perkembangan sastera popular di dunia Melayu pada pergantian abad ke-20. Perbincangan syair itu akan didahului perbincangan tentang pengarangnya dan latar belakangnya di Riau.



## PENGARANG


Raja Haji Abdullah dimasukkan ke dalam senarai pengarang yang mewarisi dan melanjutkan tradisi kepengarangan Riau/Penyengat yang dipelopori Raja Ahmad dan diketuai Raja Ali Haji, yang dianggap sebagai pujangga agung dan tidak lama sebelum ini diiktiraf sebagai Pahlawan Nasional Indonesia atas dasar jasanya terhadap perkembangan bahasa dan sasteranya. Raja Haji Abdullah adalah cucu kepada Raja Ali Haji melalui anak kesayangannya, Raja Hasan, dan beliau adik-beradik dengan Raja Haji Ahmad yang menjadi tabib rasmi di Pulau Penyengat pada awal abad ke-20 dan juga menyusun buku mengenai jabatannya, Raja Haji Umar yang juga pengarang, serta Raja Khalid Hitam yang terkenal sebagai pengarang tetapi barangkali lebih masyur sebagai penggiat politik melawan penjajahan Belanda. Raja Khalid Hitam inilah yang pada tahun 1913 dan 1914 menempuhi perjalanan ke Jepun, negara yang sedang menggeliat itu, untuk mencari sokongan moral dan fizikal agar penjajah dapat dihalau dari Riau. Pada tahun-tahun sebelumnya, perselisihan antara pembesar di Riau dengan penjajah Belanda tentang penerusan jabatan Yang Dipertuan Muda dan kontrak baru telah bermuara pada pemakzulan sultan dan pembuangan pembangkang dari negeri tumpah darahnya (Andaya 1977). Akibatnya, pada dekad pertama abad ke-20 Riau mengalami gegaran politik dan para pembesar aktif menganggotai Rusdiah Kelab yang mengembangkan upayanya dalam bidang politik-sastera-agama.

Walaupun nama beliau tidak tersenarai dalam daftar penyelenggara perayaan Idul fitri tahun 1896 ataupun sebagai tamu yang tidak dapat hadir kerana berada di Mekah seperti Syed Sheikh Al-Hadi, Raja Haji Abdullah dianggap menjadi anggota Rusdiah Kelab juga (Barnard 1994). Beliau disebut mencicipi pendidikan di Pulau Penyengat dan Mekah dan setelah pulang dari tanah suci menjabat sebagai hakim dan kadi syariah. Selain memiliki keahlian dalam bidang hukum dan keagamaan, beliau juga termasyur sebagai pelukis dan pengarang dengan nama penanya Abu Muhammad Adnan Haji Abdullah al-Naqsyabandi al-Khalidi, yang mengacu kepada aliran atau tarikat yang diikutinya dalam agama Islam (Abu Hassan Sham 1993:71-2).

Keanggotaan tarikat tersebut serta cerita-cerita yang masih dikenang penduduk Pulau Penyengat mengenai beliau mengakibatkan reputasinya juga dihiasi ciri-ciri 'nyentrik' (*eccentric*) dan 'mahir dalam ilmu ghaib' (Matheson 1985:14). Tidak kalah nyentrik adalah isteri keempatnya yang pernah menulis sebuah kumpulan doa, ilmu ghaib dan ajaran bagaimana meningkatkan nikmat persenggamaan bagi kaum perempuan (*Perhimpunan Gunawan bagi Laki-Laki dan Perempuan*, 1911). Isterinya ini yang bernama Khatijah Terung – julukan yang diberi suaminya konon kerana kulit wajahnya menyerupai terong bulat putih-hijau – juga ditakuti orang ramai kerana kekuatannya dalam ilmu ghaib, sehingga selalu diundang dalam majlis perkahwinan dan diminta membaca doa dan restu (Mukherjee 1997:31-2). Contoh keeksentrikan suami-isteri pengarang



ILUSTRASI 1. Gambar yang direkatkan ke dalam *Syair Ghayat al-Muna* yang dicetak di Singapura. Payudaranya digambar dengan pensil. Teks berbunyi: 'Grace Emerson at Churchill's' namun dalam Jawi ditambah dalam lingkaran di belakangnya: 'Tuan Putri Dhukhratulfuad'



ILUSTRASI 2. Gambar berwarna yang terdapat dalam naskah tulisan tangan *Syair Ghayat al-Muna* (hal. 69) yang juga menayangkan Putri Dhukhratulfuad menurut teks di bawahnya: 'Dhukhratulfuad elok rupawan//ialah putri di Kayangan Awan//bunda Erwiza ialah tuan//istri kepada Mirza Khan bangsawan'

ini ialah diselipkan ilustrasi dalam karyanya ini yang digunting dari majalah dan ditambah dengan payudara yang digambar dengan pensil (lihat Ilustrasi 1). Selain itu, juga terdapat ilustrasi yang berwarna (Ilustrasi 2) dan semua gambar dipersembahkan untuk menunjukkan salah satu tokoh atau adegan dalam cerita, yang sering membuahkan hasil yang cukup aneh bagi kita.

Rupanya ada banyak cerita mengenai kedua-dua tokoh ini yang dulunya diingat anak perempuannya, Raja Fatimah almarhum, yang antara lain menceritakan kepada Matheson bahawa perpustakaanannya yang luas dihibahkannya kepada Allahyarham Raja Hamzah Yunus (Matheson 1985:14), yang kemudian diturunkan lagi kepada anaknya, Raja Malik. Cerita-cerita itu memang menarik untuk dikaji untuk mendapat gambaran tentang kehidupan pengarang dalam konteks zamannya. Namun, sejauh ini cerita-cerita itu dan sumber-sumber yang lain belum dapat saya telusuri; yang dapat saya kemukakan di sini adalah data dari dua sumber bertulis dari orang yang hidup sezaman dengan suami-isteri itu.

Salah satu sumbernya adalah catatan harian yang ditulis Cik Dolah, cucu kepada Haji Ibrahim yang bekerja sebagai jurutulis di istana Pulau Penyengat pada awal abad ke-20.<sup>1</sup> Rupanya catatan tersebut, antara lain, menunjukkan



keakraban antara Cik Dolah dengan Raja Haji Abdullah dan sering tercatat mereka makan bersama atau saling mengunjungi rumah masing-masing. Sebuah contoh boleh memperlihatkan pentingnya catatan harian itu untuk memahami gejala yang terjadi di daerah Riau pada masa itu, dan juga menunjukkan sifat kekeluargaan antara penulis dengan Raja Haji Abdullah:

19 Zulkaidah 1321 - 5 Februari 1904. Jum'at. Pukul 8 suku ada bunyi seperti tembak meriam. Maka belum tahu meriam dari mana yang berbunyi itu. Kabarnya kapal Jepun datang dari Eropah. Pukul 10 Said Usman berjumpa Raja Haji Abdullah di rumah gundiknya Maryam. Maka pukul 6 pagi ini Raja Haji Abdullah mendapat seorang anak perempuan daripada gundiknya Maryam ini dan nama anaknya Raja Fatimah, mudah-mudahan dipanjangkan Allah umur al-zamannya di dalam sekalian hal ihwal yang kebajikan dengan rahmat dan rahim Allah subhanahu wa ta'ala serta dengan syafa'at Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam amin tsumma amin.

Cik Dolah memberi keterangan mengenai pekerjaan Raja Haji Abdullah sebagai "wakil hakim" (mewakili Raja Muhammad Tahir, hakim utama yang sedang menunaikan ibadah haji ketika itu) melalui catatan tentang beberapa perkara yang ditangani wakil hakim itu. Sayangnya, Cik Dolah sama sekali tidak menggambarkan kegiatan Raja Haji Abdullah sebagai pengarang atau penterjemah, misalnya mengenai *Syair Ghayat al-Muna* yang dikerjakan pada masa yang sama. Juga tidak terdapat dalam catatan harian ini adalah kritikan atau sindiran terhadap "keeksentrikan" Raja Haji Abdullah. Bahkan cemuhan dan kritikan lebih diarahkan kepada ayahnya sendiri (Datuk Bandar Ismail yang dihentikan dari jabatan syahbandar pada tahun 1903), dan lebih khusus lagi kepada tuannya, Sultan Abdulrahman! Di bawah ini dipetik kutipan dari catatan harian yang menunjukkan pedasnya kritikan Cik Dolah dan sekaligus memberi keterangan mengenai rombongan teater bangsawan yang dibiayai sultan. Beberapa kali kelompok bangsawan ini disebut dalam catatan harian ini (hubungan antara bangsawan dan tulisan popular Melayu akan diperkatakan dengan lebih lanjut di bawah):

17 Rajab 1320 - 19 Oktober 1902. Ahad. Hari ini angin selatan masih kencang. Maka pukul 4 hari ini kami ke rumah Raja Haji Abdullah kampung Baru dan melihat hal ihwal Tuanku Abdul Rahman ini membesarkan permainan sahaja, membuang uang tidak dengan jalan yang haq, asyik dengan wayang bangsawan, maka padahal wayang bangsa[wan?] tidak keruan. Subhanallah la hawla wa la quwwata illa billahil 'aliyil 'azim.

Sumber lain yang menyebut Raja Haji Abdullah ialah laporan yang dibuat Raden Sasrasoeganda tentang perjalanan ke Riau dan Singapura. Pada tahun 1918, Raden yang termasyur sebagai ahli bahasa Melayu yang menyusun tatabahasa Melayu yang cukup awal pada 1910 (Kridalaksana 1991:289-90) itu minta izin cuti panjang (6 bulan) pada jabatan pendidikan di Betawi atas dasar jasanya selama 30 tahun mengajar di sekolah guru di Yogyakarta. Beliau ingin bercuti ke daerah tempat kebanyakan penduduknya berbahasa Melayu sebagai bahasa ibunda mereka, agar pengetahuannya tentang bahasa yang



diajarkannya itu meningkat. Permohonan itu diterima jabatan itu dan beliau berangkat ke Tanjung Pinang, tempat tinggal seorang saudaranya. Rupanya Raja Haji Abdullah pada masa itu sudah mempunyai reputasi juga sebagai ahli bahasa, maka suatu hari Raden Sasrasoeganda datang mengunjunginya di rumah, walaupun agak kekok kerana belum pernah berjumpa:

Sampai ke rumahnya Raja Haji sedang menulis karangan, badannya besar dan gemuk tetapi kelakuannya cekatan, begitu melihat dua orang bertandang ke rumahnya maka tanyanya: 'Siapa yang kau bawe, Encik Ilias?' Maka jawabku: 'Hambe datang dari Jawe.' 'Dari Betawi?' 'Bukan, dari Jokje' 'Ah saye tak pake baju. Tak ape ya?!' 'Tak ape.' [tetapi dia mengenakan baju juga...] ...sekarang kesukaannya mencari ilmu dan menyusun karya atau memelayukan karya Arab. Pada saat itu [dia] memelayukan surat *Seribu Satu Hari* yang menjadi imbangannya *Seribu Satu Malam*, yang sudah tersebar di dunia, disusunnya dengan menggunakan syair. Saya sempat membaca sehalaman dua, banyak yang sulit, kata-kata Melayu yang pelik diselengi dengan kata-kata Arab... Surat *Seribu Seratus Hari* karangan Raja Haji itu akan sampai lima puluh jilid kurang lebih, yang sudah selesai lima belas. Naskahnya ditulis dengan pensil saja dan akan dicap timah di Singapura, atas permintaan pedagang buku di sana.<sup>2</sup>

Ahli bahasa asal Yogyakarta ini tidak jadi mempelajari tatabahasa dengan Raja Haji Abdullah, sebagaimana yang dirancangkannya, kerana kecenderungannya menggunakan dasar tatabahasa Arab, sementara Raden Sasrasoeganda lebih biasa dengan tradisi Belanda. Ternyata dari petikan di atas ialah pekerjaan Raja Haji Abdullah sebagai hakim atau wakilnya tidak begitu penting lagi, setelah kerajaan Riau-Lingga dihapuskan dengan kebanyakan kerabat diraja berpindah ke Singapura dan Semenanjung Tanah Melayu pada tahun 1911. Walaupun demikian, biografi ringkas yang ditulis Raja Muhammad Yunus menyebut bahawa dia juga menyandang *kadhi shari'ah* pada *Landraad* (majlis pengadilan kolonial), yang juga sesuai dengan keterangan Raden Sasrasoeganda bahawa beliau masih mendapat tunjangan sebesar \$350 dari pemerintah kolonial (Sasrasoeganda 1921:137; Peringatan 1939). Namun, Sasrasoeganda menunjukkan kegiatan Raja Haji Abdullah dalam pendidikan dan penterjemahan sebagai pekerjaan utamanya yang juga dapat menambah wang perbelanjaannya kerana rupanya beliau menulis atas permintaan "saudagar buku".

Kedua-dua kegiatan tersebut juga tercermin dalam karya yang sejauh ini berhasil diidentifikasi sebagai buah kalam Raja Haji Abdullah dan dapat dibahagi dalam empat buah buku pelajaran bahasa Melayu dan lima buah karya terjemahan dari bahasa Arab dan Parsi (Abu Hassan Sham 1993:72; Junus 1998). Antara kelima-lima karya sastera itu, satu yang berupa prosa (*Hikayat Tanah Suci*) dan empat yang lain adalah syair, antaranya *Syair Ghayat al-Muna*. Namun, senarai karya tersebut belum lengkap jika kita memasukkan karya yang bertajuk *Cempaka Putih*. Karya itu disebut sebagai manuskrip yang ditulis dengan pensil dengan dihiasi "gambar-gambar tangan dengan pensil dan guntingan koran (Eropa) yang menggambarkan adegan erotis" (Aswandi Syahri 2001:13). Kedua-




dua sifat itu ditulis dengan pensil bukan dakwat, dan dilengkapi ilustrasi yang digunting dari majalah, serupa dengan naskah *Syair Ghayat al-Muna* yang terdapat dari koleksi manuskrip yang sama di Pulau Penyengat. Rasanya tidak perlu disyaki bahawa *Cempaka Putih* itu memang karya Abu Muhammad Adnan yang kemungkinan ditulis sebagai lampiran kepada *Perhimpunan Gunawan*, karya isterinya Khatijah Terung.

### SYAIR GHAYAT AL-MUNA

Syair ini tersimpan dalam Koleksi Yayasan Indrasakti Pulau Penyengat dalam bentuk manuskrip tulisan tangan dan diberi judul *Riwayat Gharamiyyah yang dinamai akan dia Syair Ghayat al-Muna (cerita Mirza Khan)*, serta cap batu (litografi). Ia terdiri daripada tiga jilid, yang masing-masing menceritakan episod baru dalam kisah besarnya yang dinamai atas dasar watak puteri Ghayat al-Muna itu. Jilid pertama mengisahkan Mirza Khan putera Raja Hindustan; jilid kedua mengandungi kisah Erwiza Khan, anak tokoh dalam jilid pertama dan jilid ketiga yang pendek sekali menceritakan watak yang lain pula. Jilid pertama dan ketiga menyebut tahun 1320H (April 1902-Mac 1903) sebagai tahun penyelesaiannya, iaitu satu-satunya titiwangsa yang ada pada kita untuk menempatkan syair ini dalam sejarah sastera Melayu. Jilid kedua dan ketiga ini hanya wujud dalam bentuk manuskrip tulisan tangan. Selama ini belum diketahui apakah ia pernah dicetak di mana-mana di Singapura, walaupun ketiga-tiga manuskrip tulisan tangan ini menunjukkan tanda-tanda bahawa memang disiapkan untuk dicetak. Sejauh ini hanya jilid pertama yang ditemui dalam bentuk cetakan dan satu-satunya salinan yang disebut Proudfoot (1993:240) itu terdapat dalam Koleksi Yayasan Indrasakti di Pulau Penyengat. Litografi ini dicetak dengan judul *Syair yang dinamai akan dia Ghayat al-Muna cerita Mirza Khan*. Sebagai percetakan disebut tempat Muhammad Idris di (H)Aji Lane nombor 21 di Kampung Gelam, tetapi tidak dicatatkan tarikh ia dicetak.

Penyiapan teks dalam manuskrip tulisan tangan untuk dicetak itu jelas jika dikaji jilid yang pertama dan membandingkannya dengan hasil cetakannya: dalam manuskrip tulisan tangan ada beberapa rangkap yang dengan rapi ditulis di pinggir kertas; tanda panah menunjukkan ke tempat rangkap itu harus dimasukkan. Lihat Ilustrasi 3 dan 4. Perbandingan antara manuskrip tulisan tangan jilid yang pertama dan bentuk cetakannya memang menunjukkan bahawa rangkap-rangkap itu dimasukkan ke dalam tempat yang sesuai dengan yang diindikasinya. Petunjuk lain pada penyiapan manuskrip untuk percetakan juga kelihatan dalam manuskrip itu adalah pencantuman nombor-nombor halaman dan kata penyambung antara halaman yang dicantumkan di bahagian bawah halaman dan merupakan kata pertama halaman berikutnya dalam buku cetakan. Kata-kata ini dicantumkan sehingga penjilidan hasil percetakan tidak dikacaukan sehingga alur ceritanya tidak sambung-menyambung. Namun





ILUSTRASI 3 & 4. Indikasi penyiapan naskah ini untuk percetakan: penyelipan pelbagai rangkap dengan panah agar tahu di mana dimasukkan, serta pencantuman nombor halaman dan kata penyambung untuk penjilidan: ilustrasi 3 menyebut 6/7 di margin kiri, dan dalam ilustrasi 4 terlihat 40/41 di margin kanan

demikian, terdapat beberapa perbezaan atau kesalahan dalam buku yang betul dalam manuskrip dan pembetulan dengan pensil dalam salinan litografi di Pulau Penyengat, tanpa kita ketahui siapa yang melakukan perbandingan dan pembetulan teks itu. Tidak tertutup kemungkinan bahawa pengarang sendiri yang melakukannya.

Cerita syair ini cukup sederhana dan berkisar tentang raja-raja dan putera serta puteri di Hindustan, Iran, Kayangan, Delhi serta Himalaya. Watak-watak itu bergerak bebas antara Kayangan dan negara lain dengan dilindungi dan dihiburi jin dan peri, sambil berperang, berguru pada sang arif di Himalaya dan sang putera jatuh hati kepada puteri (*asyik dan ma'syuk*). Watak puteri itu bersedia dimadu kerana memang begitu ditakdirkan Allah S.W.T., seperti diajarkan dan ditekankan sang arif yang juga mampu menimbulkan berbagai hikmat yang ajaib. Negara Iran yang dikuasai kaum kafir Majusi (penganut Zoroaster atau pemuja api) ditaklukkan raja Hindustan setelah perang dahsyat yang mengorbankan ratusan ribu jiwa di kedua-dua pihak. Pendeknya, sebuah kisah heroik dan fantastik yang menekankan sakitnya serta asyiknya pemuda-pemudi bercinta dalam suasana istana yang disemarakkan tarian peri serta takdir yang tidak dapat dielakkan dan disampaikan seorang perantara bersosok ahli nujum dan sang arif.

Kisah seperti ini sebetulnya sama sekali tidak aneh, atau baru bagi orang Melayu dan antara lain juga didasarkan tradisi manuskrip yang ditulis di Riau mulai sekitar pertengahan abad ke-19 oleh pembesar kerajaan, seperti *Syair Abdul Muluk*, *Syair Qahar Masyhur*, *Syair Madhi*, *Syair Raja Damsyik* dan

puluhan lagi. Pada masa itu banyak cerita diberi latar Timur Tengah dan bersifat untuk mengajar doktrin Islam ditingkatkan (Braginsky 1993:72-3). Namun demikian, ada yang membezakan *Syair Ghayat al-Muna* ini dari yang tersebut tadi, iaitu ianya berbeza dalam hal penggambaran “pencerita” dan pencantuman ilustrasi ke dalam manuskrip. Dalam syair yang dikarang pada pertengahan abad ke-19, pengarang atau penyalin biasanya menampilkan diri pada awal dan akhir karangannya sebagai “fakir” yang kerana gundah gulana serta keresahannya akhirnya mengangkat kalam dan menurukannya kepada kertas. Fakir pun mohon sebesar-besar maaf dan ampun kerana sajaknya tidak betul serta tulisannya tidak memadai, namun dia biasanya tidak menonjolkan diri dalam kisahnya sendiri atau mengomentarnya (Koster 1997:64-75). Dalam *Ghayat al-Muna*, pengarang mulakan syairnya sesuai dengan tradisinya, walaupun tidak menyebut keresahan hati yang hendak diubati melalui penulisan:

Pengharapan hamba sudahlah tentu Pada menyusunkan riwayat suatu	Kepada Allah memohonkan bantu Dikaruniakan ‘inayat sebilang waktu
Asal riwayatnya daripada nathri Hendak disetujui rencana dan peri	Dipindahkan dia jadi syairi Serta sajaknya pula dicari
Di bawah ini qalam berjalan Dawat menjadi handai dan tolan	Di atas kertas purnama bulan Rawi bercetera dengan kebetulan
Silalah baca ayuhai qari Riwayat nan masa zaman yang bahari	Supaya sami <sup>4</sup> gemar mendengar Di dalam benua Hindustan negeri

*Ghayat al-Muna*, hal. 2 (versi litografinya)

Yang ditampilkan pengarang di sini adalah beberapa pihak dalam penulisan sastra yang dipersonifikasikan, iaitu penanya (*qalam*) yang berjalan dan kadang-kadang berlari di atas kertas (yang juga digambarkan sebagai pihak dengan kemahuannya sendiri), dakwat yang menjadi kawannya, penyair (*rawi*) yang seharusnya menguasai proses penulisan, pembaca (*qari*) yang melafalkan tulisan kepada khalayak, dan pendengar (*sami*) yang diharapkan terlipur hatinya setelah mendengar cerita itu. Akan tetapi, dalam beberapa adegan “panas” rawi enggan meneruskan cerita: si pendengar atau pembaca sendiri yang tahu apa yang terjadi kemudian, seperti setelah terlakasanalah ijab kabul antara Mirza Khan dengan isteri pertamanya, puteri Dhukhratulfuad (“Bunga Hati”):

Bertemulah jodoh dengan padannya Berpeluk bercium tiada sudahnya	Berjumpalah asyik dengan ma <sup>4</sup> syuknya Kerana melipurkan rindu dendamnya
Perjumpaan kekasih maklumlah kita Rawi tak <i>rida</i> mengeluarkan warta	Qalam tiada berani melata Qari tiada mahu berkata



Jika rawi hendak berperigi Kertas yang putih berlindung diri	Qalam yang bijak enggan berlari Katib pun lemah tangan dan jari <sup>3</sup>
Rawi tiada panjangkan warta Serta baginda Kahinnnya Pesyta	Maharaja Kubad duli mahkota Bermohon kembali keduanya serta

*Syair Ghayat al-Muna* hal. 16 (versi litografinya)

Permainan dengan personifikasi pihak-pihak yang terlibat dalam penulisan sastera ini tidak terdapat dalam syair-syair pertengahan abad ke-19 dan juga tidak saya temui dalam syair popular yang terbit pada pergantian abad 19 (Proudfoot's Malay Concordance Programme di alamat: <http://www.anu.edu.au/asianstudies/ahcen/proudfoot/MCP/>). Namun, cara dan perkataan yang digunakan Raja Haji Abdullah ini tidak dapat tidak mengingatkan kita kepada perintis sastera Melayu di Semenanjung Tanah Melayu, Syed Sheikh bin Ahmad al-Hadi, dengan hikayatnya yang berjudul *Setia Asyik kepada Maksyuknya*, atau *Shafik Affandi dengan Faridah Hanom*, yang dipendekkan menjadi *Hikayat Faridah Hanom*. Hikayat baru atau novel itu berlatar di bandar Kaherah dengan menceritakan percintaan antara dua orang kaya yang muda yang akhirnya bersatu dan berakhir dengan usaha Faridah Hanom dalam gerakan emansipasi wanita. Di dalamnya si pencerita disebut *Kalam* yang kadang-kadang tidak mampu menceritakan kejadian atau perasaan dalam bentuk prosanya, maka beralih kepada syair, misalnya dalam adegan "panas" setelah perkahwinan dilangsungkan:

Allahhu Akbar, di sini lemahlah kalam daripada melata di atas kertas yang bersih ini pada menggoreskan apa-apa yang berlaku di antara kedua asyik dan maksyuk ini di dalam peraduannya. Tetapi oleh sebab bersangatan kalam takutkan kemurkaan sekalian tuan-tuan pembaca yang dikasihi, terpaksa juga kalam mendayu-dayu dan bergurindam dengan syair yang melipurkan sedikit asyik cinta berahi kalam yang berlamaan akan kertas yang saf ini.

Ya Ilahi Khaliqul alam  
Ampun maafMu kepada kalam  
Menuliskan ehwal pengantin di dalam  
Kelambu yang berupakan emas bersulam

Lemahlah kalam menyempurnakan warna  
Menggores di kertas semua cerita  
Oleh terasa berahi bercinta  
Asyik dan maksyuk bersuatu anggota

Laila dan Majnun telah berjumpa  
Yusof dan Zaleha bertemu rupa  
Maklumlah pembaca saudara dan bapa  
Asyik bertahun baharu bersapa



Bawakali dan Taj telah bersama  
Menyampaikan hajat cinta yang lama  
Allahhu Akbar Ilahi saksama  
Menggeletarlah rasa bulu dan roma  
(*Syed Sheikh 1985:245-6*)


Syair itu dilanjutkan berpuluh-puluh rangkap lagi yang lebih terbuka atau sugestif berkisahakan pengambilan keperawanan dibanding *Syair Ghayat al-Muna*, namun persamaan pemakaian gambaran antara kedua-dua karya itu sangat ketara. Penentuan keaslian karya Syed Sheikh ini masih dipertikaikan di Malaysia dan berkisar sekitar persoalan apakah *Hikayat Faridah Hanom* ini dapat disebut saduran atau terjemahan langsung (Matheson Hooker 2000:38-9). Seperti ditunjukkan dalam rencana ini, perbincangan keaslian itu seharusnya juga melibatkan perbandingan karya-karya yang diterbitkan di pusat-pusat percetakan di Semenanjung Tanah Melayu pada pergantian abad ke-19, yang dibuat orang yang sebahagiannya dikenal langsung oleh Syed Sheikh seperti Raja Haji Abdullah. Dalam syair yang dipetik di atas jelas ada rujukan kepada watak cerita popular yang diterbitkan di pusat-pusat tersebut, seperti watak yang terkenal Laila dan Majnun serta Gul Bakawali dan Taj Muluk dan ini dengan jelas sekali merupakan kaitan dengan sastera popular yang terbit di Alam Melayu awal kurun ke-20. Pasalnya, watak tersebut memainkan peranan utama dalam syair yang dicetak beberapa kali dewasa itu (Proudfoot 1993). Sastera popular inilah dengan getir ditentang pengamat budaya sezaman dengan secara berleluasa mengumandangkan kritiknya yang sampai sekarang masih kedengaran, seperti Snouck Hurgronje, Wilkinson dan Za'ba. Namun, melalui teater bangsawan kepopuleran semakin meluas sehingga akhirnya cerita Laila Majnun dijadikan skrip untuk filem Melayu yang pertama di Semenanjung Tanah Melayu pada tahun 1934 (Tan Sooi Beng 1993:10-11).

## ILUSTRASI

Selain penggunaan teknik naratif serupa dan penggambaran yang sama, *Syair Ghayat al-Muna* dan *Hikayat Faridah Hanom* berbahagi sifat satu lagi yang juga menunjukkan pengeluaran cerita-cerita itu memang ditujukan kepada orang ramai, iaitu pencantuman ilustrasi untuk menghiasi cerita serta melariskan bukunya. Ilustrasi foto-foto yang terselip dalam edisi pertama *Hikayat Faridah Hanom* (1925-6) diperkirakan foto bintang filem Mesir yang diambil daripada majalah Timur Tengah (Junus 1988:113), dengan kesannya dianggap sebagai mengedapankan realisme ceritanya (Matheson Hooker 2000:21). Penjelasan ini dibantah Maier (2004:232-3) yang menganggap realisme itu dan efek menggeger (*shock*) yang sering dikaitkan dengan penerbitan hikayat ini, *digembosi* (*deflated*) oleh gaya bahasa yang tetap seperti dalam tradisi penulisan manuskrip dan ceritanya yang tetap berlatar negeri antah-berantah hanya



ILUSTRASI 5. Teks di atas gambar berbunyi: “di bawah ini Suhili putri/parasnya elok putih berseri/boleh menanding putri Udari/ sedang becemin melihat diri/cantiknya Suhili bukan sebarang/laksana gemala intan dikarang/ tubuhnya putih menyelepak terang/manis durjanya tiadalah kurang” (Naskah *Ghayat al-Muna* hal. 61)



ILUSTRASI 6. Senarai kandungan dengan teks di bawah gambarnya berbunyi: “Ibarat asyik berjumpa ma’syuknya” (Naskah *Ghayat al-Muna*, hal. 64)

sahaja sekarang diberi nama Mesir dan Kaherah. Dalam perbincangannya, Maier lebih cenderung menggolongkannya kepada cerita yang meneruskan tradisi, walaupun tidak menyangkal ada sifat baru yang menampakkan diri dalam hikayat ini.



Tradisi pemuatan ilustrasi ke dalam buku fiksi Melayu selama ini kurang diperhatikan dan sepertinya juga tidak kekal atau amat popular, sedangkan pemuatan foto untuk menghiasi cerita hanya dilakukan dalam *Hikayat Faridah Hanom* dan beberapa novel popular karangan Ahmad Lutfi, setelah Perang Dunia Kedua (Junus 1988 & Putten, akan terbit). Pemakaian ilustrasi untuk menghiasi cerita popular yang diterbitkan dalam bentuk buku mulai muncul pada akhir kurun ke-19, seperti yang kelihatan dalam beberapa cerita terjemahan dari bahasa India yang membanjiri pasaran buku di Semenanjung Tanah Melayu. *Syair Laila Majnun* yang diterbitkan Matbaat Sekola Melayu pada tahun 1888 memuatkan enam belas buah ilustrasi yang dibuat R.A. Oliveiro (Proudfoot 1993) dan *Syair Indra Sebaha* yang mendapat lebih banyak perhatian dari penyelidik itu mengandungi lapan belas buah gambar yang sesuai dengan alur ceritanya (Khalid Hussein 1992). Annabel Gallop menunjukkan penurunan kualiti ilustrasinya, jika dibandingkan edisi awal yang terbit 1891 dan edisi lanjutan dari tahun 1901. Namun, menurutnya, menurunnya kualiti itu tidak menjadi masalah kerana bukunya telah laris keras, jadi tidak terlalu tergantung pada indahnya ilustrasi lagi (Gallop 1990:108).

Apakah ilustrasi itu hanya sebagai pelaris buku yang terbit dalam zaman itu dengan persaingan ketat antara penerbit dan tidak ada maksud lain? Atau juga ada barangkali maksud “menggeger” pembaca agar mengikuti atau menolak cara hidup yang nampak dalam ilustrasi? Patut juga disoalkan mengapa diselipkan foto orang kulit putih yang sama sekali tidak memainkan peranan dalam cerita atau latarnya dan menampakkan raut mukanya serta kehidupannya ala Barat seperti di dalam *Hikayat Faridah Hanom* dan *Syair Ghayat al-Muna*? (Andaya 2003:98)

Ilustrasi 5 mengingatkan kita kepada salah satu ilustrasi yang dimuatkan dalam *Hikayat Faridah Hanom* yang juga menggambarkan perempuan yang berdandan di depan cermin sebelum berjumpa dengan kekasihnya yang juga dilengkapi syair satu rangkap sebagai teks di bawahnya (Matheson Hooker 2000:21). Foto-foto ini mengungkapkan ideal kecantikan perempuan seperti yang dilihat pengarang laki-laki di satu pihak dan di satu pihak lainnya menolak perempuan Barat seperti itu kerana diperlihatkan sebagai wanita yang terlalu mementingkan kecantikan luaran tanpa menjaga tata susilanya. Ini kemungkinan penyebab Raja Haji Abdullah menampakkan payudara yang digambarkan dengan pensil pada foto-foto yang digunting dari majalah Eropah, untuk mengungkapkan betapa menjijikkan perempuan itu dari segi tata susila, tetapi pada saat yang sama betapa menggiurkan dari segi kecantikan dan seksualitasnya. Lihat Ilustrasi 1. Ilustrasi 6 menunjukkan pergaulan antara pemuda-pemudi Barat yang patut dikecam kerana pakaian dan sikap yang kurang sopan, juga memperlihatkan suatu gejala yang menarik tetapi juga berbahaya, kerana berpotensi mengikis tradisi lama dengan sistem tata susilanya. Ini mengingatkan kita pada “modernity as the experience of paradox” yang terdapat dalam perbincangan Maier terhadap sebuah iklan lampu yang terdapat dalam



*Pandji Poestaka* 1940. Adegan di sebuah rumah yang digambarkan dalam iklan tersebut sangat menyerupai adegan yang terdapat dalam ilustrasi 7, sebuah keluarga dengan lampu, meja dan aktiviti Barat yang dapat dianggap moden dan kononnya membawa kebahagiaan serta kemajuan (Maier 1997).

Dalam manuskrip tulisan tangan *Syair Ghayat al-Muna* terdapat tiga puluh enam buah gambar yang sebahagian besarnya menunjukkan perempuan Barat yang sering berpakaian gaun mewah. Selain perempuan sendiri, ada juga beberapa orang bersama seorang laki-laki dalam keadaan mesra dan beberapa gambar menunjukkan rumah mewah atau istana dengan interiornya. Jelas bahawa dengan foto dan gambar seperti itu penulis ingin menunjukkan keadaan dalam sebuah istana dengan puteri serta dayangnya, di dunia atau di kayangan. Beberapa buah gambar itu sampai sekarang masih dapat menangkap khayalan kita kerana menunjukkan istana seperti dalam dongeng, iaitu istana di Timur Tengah atau India. Namun, ada juga beberapa yang susah sekali kita hubungkan dengan khayalan di sekitar cerita itu kerana gambar itu menunjukkan yang moden, yang jelas bagi penulis pada awal abad ke-20 merupakan suatu keanehan yang menarik, bahkan mirip dengan keajaiban seperti terlihat pada gambar istana di India. Kecampuradukan pelbagai pengaruh dan tradisi yang kita lihat sebagai tradisi dan moden itu adalah contoh kehibridan budaya bandar yang jelas dapat dilihat dalam ilustrasi di bawah ini. Ilustrasi 7 menampilkan



ILUSTRASI 7. Kayangan dibayangkan sebagai rumah orang Barat? (Naskah *Ghayat al-Muna* hal. 70)



ILUSTRASI 8. Seorang perempuan yang berpakaian tradisional Belanda, teks di bawahnya berbunyi: 'perempuan kayangan sedang bekerja di perkebunannya' (Naskah *Ghayat al-Muna*, hal. 80)



sebuah adegan di rumah Eropah di mana sang ayah membaca akhbar dan sang ibu (yang dibayangkan menjadi sang puteri Dhukhratulfuad) mendukung bayi. Anak laki-laki bermain dengan mainan keretapi dan yang perempuan dengan kereta dorongan untuk bonekanya, sementara di luar sedang turun salji. Dalam bayangan penulis ini dapat digunakan sebagai gambar yang membayangkan kayangan tempat sang puteri lahir dan dibesarkan! Bagi orang Belanda ilustrasi 8 barangkali lebih fantastik lagi kerana menunjukkan seorang perempuan berpakaian tradisonal Belanda yang nampaknya bekerja keras di sebuah kilang(?) yang dibayangkan sebagai dayang di kayangan! Hubungan antara gambar-gambar dengan cerita tidak jelas langsung, maka dijelaskan melalui teks yang terdapat di bawah, atau kadang-kadang di atas gambar. Teks itu sering berupa satu dua rangkap syair yang tidak langsung diambil daripada cerita, tetapi secara khas dibuat dan menyebut watak yang terdapat dalam gambar atau menjelaskan kaitan adegan serta barang yang ditayangkan dengan alur ceritanya. Terdapatnya ilustrasi ini dalam beberapa manuskrip tulisan tangan – hanya satu gambar direkatkan ke dalam *Syair Ghayat al-Muna* cap batu – cukup menghairankan, namun barangkali lebih masuk akal jika dikaitkan dengan industri percetakan yang memerlukan cerita baru dan berada di bandar di mana teater bangsawan sedang popular dan media filem baru diperkenalkan (Wan Abdul Kadir 1988).

## PERCETAKAN DAN BUDAYA POPULAR

Pada bahagian atas ilustrasi 6, terlihat senarai kandungan (*fihrisah*) yang menyenaraikan tajuk setiap bahagian yang juga tercantum dalam teks setiap kali beralih kepada adegan baru. Sebetulnya kedua-dua sifat ini, adanya senarai kandungan dan pertukaran adegan yang dengan jelas diperlihatkan dalam teks, mengaitkan manuskrip tulisan tangan ini dengan percetakan dan menyiratkan pula pengaruh pertunjukan yang berbentuk drama: senarai kandungan yang menyebut judul adegan memberi ringkasan ceritanya dan memberi pembaca kemungkinan untuk mencari bahagian teks yang menarik baginya dengan cepat. Dua sifat yang kurang berguna dalam tradisi penulisan manuskrip tetapi menunjukkan kepada buku sebagai barang yang dapat dijualbeli dengan calon pembeli diberi kemungkinan mencicipi ceritanya sedikit (Proudfoot 2002). Pembahagian ceritanya ke dalam adegan yang diperlihatkan dengan jelas dalam teks itu boleh juga mengingatkan kita kepada pertunjukan di atas panggung, serta ringkasan ceritanya yang diterbitkan ke dalam surat khabar dan juga dibahagi-bahagikan waktu pertunjukan agar penonton mengerti cerita, seperti dilakukan dalam pertunjukan bangsawan itu.

Dalam catatan harian Cik Dolah yang disebut tadi, ternyata bahawa Sultan Abdul Rahman dari Riau sangat menggemari teater bangsawan dan juga menaja satu rombongan teater dengan penyediaan pakaian ‘Turki’ yang dipesankan





dari Singapura (Camoens 1982:5). Teater bangsawan atau tiruan wayang Parsi, seperti disebut pada awalnya, mula muncul di Pulau Pinang pada tahun 1870-an sebagai bentuk teater yang sangat dipengaruhi rombongan teater dari India. Di bandar Melayu yang dapat disifatkan sebagai tempat berkembangnya kebudayaan hibrid, bentuk teater ini menjadi sangat popular dan cepat berkembang ke bandar-bandar lain, baik di Semenanjung Tanah Melayu atau di Nusantara. Teater ini sangat hibrid sifatnya: menggabungkan pengaruh pra-Islam dengan bentuk teater yang penuh jenaka dari Eropah (*vaudeville*) dan budaya setempat. Cerita yang dipertunjukkan dalam teater ini bermacam-macam, tetapi salah satu kelompok cerita yang penting adalah cerita terjemahan dan saduran daripada cerita India dan Timur Tengah (Tan Sooi Beng 1993; Cohen 2001; Rahmah Bujang 1975).

Seperti yang telah disebut tadi bahawa cerita-cerita seperti *Hikayat Gul Bakawali* dan *Syair Indra Sebaha* sangat popular dalam percetakan, kerana kepopularannya dalam teater bangsawan itu (Camoens 1982:7). Penerbitan kedua-dua karya itu di Semenanjung Tanah Melayu dan India juga menunjukkan jaringan langsung antara pengarang dan percetakan di India dan Alam Melayu, “mengekal tradisi berabad-abad lamanya penterjemahan dan penyaduran karya India dan juga mengilustrasi bagaimana keberadaan industri percetakan peribumi di kedua negara memungkinkan penyebaran cerita dengan lajunya yang tak terbayangkan dalam masa sebelum perkembangan percetakan itu” (Gallop 1990:108). Salah satu faktor penting dalam perkembangan itu adalah pengaruh teater bangsawan yang mempertunjukkan cerita-cerita itu, serta keberadaan masyarakat orang India Muslim (Jawi Peranakan) yang cukup besar di Alam Melayu. Peranan kelompok ini dalam perkembangan persuratkabaran di Singapura dan Pulau Pinang dengan jelas dikemukakan Roff (1964:86-88). Namun, kegiatan kelompok Jawi Peranakan dalam penerbitan buku jauh lebih kecil dan baru mulai dalam tahap yang lebih lanjut dalam sejarah percetakan di Semenanjung Tanah Melayu. Kelompok etnik yang lebih giat pada masa awal itu adalah kelompok Jawa Pesisir yang berkumpul di lorong-lorong di sekitar Kampung Gelam dengan Masjid Sultan sebagai titik fokusnya dan mendirikan kedai percetakan yang disambungkan dengan penjualan kitab, songkok, kasut, minyak wangi dan lain-lain (Proudfoot 1994:27-9). Daerah yang sama juga adalah pusat berkumpulnya calon haji dalam perjalanan pergi atau pulang, diurus Shaikh Arab yang menjadi pemandu dan penyelenggara industri haji.

Selain itu, Singapura adalah pusat buruh kontrak dari Jawa yang berkumpul menantikan penghantaran mereka ke daerah perkebunan yang akan digarapi (Roff 1964:78-82). Inilah sebuah “tanah sabrang” atau diaspora di mana kelompok pendatang merasa perlu untuk tetap membangun dan memelihara jaringan yang menghubungkan anggotanya satu sama lain dan juga dengan sanak saudara serta handai taulan di tanah asalnya. Pendatang ini menjadi tamu di negeri orang yang tidak jelas siapa tuannya, iaitu daerah-daerah perkotaan yang semakin laju perkembangannya sejak separuh kedua kurun ke-19. Di



tempat-tempat inilah budaya hibrid muncul dan berkembang ke arah yang tidak menentu, dengan industri percetakan dibangun atas dasar komersial yang mencari pasaran di daerah asalnya dan daerah yang baru dibuka untuk memasarkan ungkapan dan produk budaya dari bandar yang lain daripada yang lain, yang belakangan diberi cap “moden”. Pendatang dalam bandar moden itu menempuh kehidupan baru dan berusaha memajukan nasibnya dengan kegiatan yang dapat juga meningkatkan statusnya. Salah satu kemungkinan yang terbuka bagi orang yang celik huruf adalah industri percetakan yang erat kaitannya dengan industri haji, perdagangan serta perburuhan. Melalui perdagangan atau perjalanan pergi ke tanah suci atau pulang ke tempat asalnya hasil cetakan itu diedarkan dan para haji serta buruh menjadi dua kelompok sasaran yang memerlukan pelajaran atau hiburan di tanah seberang itu.

Percetakan Tamil Muslim diawali juga di luar daerah asalnya di Tamil Nadu, seperti Sri Lanka dan Asia Tenggara. Hal itu menunjukkan melalui penulisan untuk alat-alat cetak itu pendatang berusaha memajukan diri dari pinggiran (*periphery*) ke dalam pusat komuniti di tempat baru. Percetakan itu juga memenuhi keperluan akan perasaan seperti di negeri sendiri serta membangunkan identiti baru mereka (Fakhri 1999). Ini dapat diterapkan juga kepada pendatang dari Jawa di Singapura: mereka digeser ke pinggiran secara harafiah - Kampung Gelam masa itu di pinggir bandar - dan kiasan - kehidupan di bandar itu ditentukan pedagang dan pegawai Inggeris serta pedagang besar Cina. Yang membezakan pendatang dari Jawa dengan yang dari Tamil Muslim adalah mereka (hampir) tidak mengeluarkan cetakan dalam bahasanya sendiri. Namun, seperti diketahui Jawi Peranakan dengan cepat juga beralih kepada bahasa Melayu dalam percetakannya.

Percetakan komersial hanya berhasil jika ada pembeli yang sanggup membeli serta mampu membaca yang dicetak. Namun, laporan tentang celek huruf yang dikeluarkan pemilik sekolah asal Inggeris menggambarkan kemampuan membaca dan menulis yang sangat kecil. Hill dalam ucapan pemberian penghargaan di Sekolah Gelam pada tahun 1894 menyatakan hanya seperempat dari penduduk Melayu di Singapura boleh membaca dan menulis dan tahap celek huruf di daerah lain di Semenanjung Tanah Melayu diperkirakan adalah lebih rendah lagi (Roff 1964:88). Masalah ini perlu diberi perhatian yang mendalam dan luas, tetapi saya meragukan pernyataan seperti itu mengingatkan industri percetakan yang cukup berhasil, tingkat celek huruf yang diukur melalui tingkat sekolah yang diikuti pelajar, serta kecenderungan penilik menyamakan orang yang tidak mampu menandatangani suatu dengan orang yang buta huruf. Yang tersebut terakhir ini boleh disangsikan jika dibandingkan dengan hasil kajian terhadap celek huruf di pedalaman Inggeris pada abad ke-19, antara lainnya menunjukkan adanya sekumpulan orang yang tidak dapat menulis, tetapi boleh membaca bahagian-bahagian dari Al-Kitab (Reay 1991). Ini penting mengingatkan kebanyakan orang Melayu memperolehi semacam celek huruf asas melalui pengajian Al-Qur'an semasa muda, walaupun tidak



diajar menulis. Ini paling tidak akan mempermudah mereka untuk membaca bahan berbahasa Melayu dalam tulisan yang sama seperti dipelajarinya. Oleh itu, walaupun tahap *celek huruf* yang diukur lembaga-lembaga kolonial selalu dikhabarkan kecil sekali, barangkali boleh juga kita beranggapan adanya semacam *celek huruf* terselubung yang memungkinkan berkembang industri percetakan popular.

## PENUTUP

Bagaimana keadaan orang Melayu tempatan, seperti pembesar Riau di Pulau Penyengat (yang sebetulnya juga pendatang dari tanah Bugis)? Bagaimana reaksinya terhadap keturunan pendatang dan pesatnya perubahan pada masa itu? Seperti yang disebut sebelum ini, pada pergantian abad ke-19, Riau sendiri mengalami pergolakan politik akibat banyak pembesarnya telah dibuang atau mengungsi ke Semenanjung Tanah Melayu. Mereka yang tidak berpindah tetap memelihara hubungan mereka dengan sanak saudara dan mengekalkan hubungan bisnes dan budaya dengan orang di tanah seberang. Salah satu bidang yang menggabungkan kedua-duanya itu adalah percetakan dan pada 1912 berdirilah Syarikat Ahmadi & Co. yang giat dalam perkebunan kelapa di Pulau Midai, perkapalan dan percetakan. Syarikat inilah yang menaungi Matbaah Al-Ahmadiyah yang mencetak kebanyakan karya pembesar Riau (Wan Mohd. Shaghir Abdullah 1996:89), antara lain karya Raja Haji Abdullah *Syair Syahinsyah* yang dicetak atas biaya Raja Haji Umar, saudara kandungnya (Proudfoot 1993:430). Selain Al-Ahmadiyah, ada beberapa percetakan lain yang ada hubungan erat dengan Riau, seperti Al-Imam yang menerbitkan beberapa karya dari Riau. Pengarang seperti Raja Haji Abdullah yang tidak ikut berpindah setelah Kerajaan Riau-Lingga dihapuskan, telah mengarang untuk industri percetakan di Singapura dan dengan sedar menyediakan bahan bagi budaya hibrid perkotaan. Budaya itu pun sudah juga meluap ke Kepulauan Riau dengan majalah Barat dan Timur Tengah yang diperolehi dengan mudah di Singapura dan dibawa ke Riau, dengan rombongan teater bangsawan yang mengadakan pertunjukan di kepulauan, dengan sultannya yang mendirikan rombongan bangsawan kerajaan yang membelanjakan wang kerajaan, dengan syair-syair yang menjadi repertoire teater bangsawan (Junus 1998), serta dengan manuskrip syair yang dihiasi gambar yang digunting dari majalah luar untuk dicetak di Singapura dengan maksud menggegerkan pembaca, serta menjolokkan diri dalam persaingan yang hebat. Barangkali dalam keadaan ini tidak terlalu eksentrik atau aneh lagi terdapat *Syair Ghayat al-Muna* yang ditulis untuk dipasarkan dengan hiasan yang menjolok mata, menunjukkan kekaguman sekaligus kebencian, ketertarikan serta penolakan terhadap budaya bandar yang membanjiri pulau kecil yang tenang itu.



Budaya inilah yang mengilhami Abu Muhammad Adnan menyadurkan dan bereksperimen dengan cerita Timur Tengah yang ceritanya sederhana sehinggakan menggambarkan asyik dan ma'syuk yang dihiburi dan dilindungi peri dari Kayangan, yang disusun dalam bahasa dan metafora tradisional, maka mengakibatkan semacam retradisionalisasi sastra Melayu yang tidak bertahan lama (Braginsky 2004). Gejala ini tidak disukai pendidik kolonial yang ingin melihat orang Melayu ke dalam zaman moden yang teratur, bukannya yang dikuasai percetakan kecil yang liar, yang juga tidak terpelihara bahasanya dan mengancam kaedah bahasanya seperti digalakkan penguasa kolonial melalui sistem pendidikan. Orang seperti Snouck Hurgronje, Wilkinson dan Za'ba cuba membendung kebanjiran sastra popular itu dengan menerbitkan sastra yang berguna, untuk menjamin nilai sastra serta penggunaan bahasanya, iaitu *Malay Literature Series* di Semenanjung Tanah Melayu dan *Balai Pustaka* di Indonesia. Namun, lembaga kolonial itu tidak dapat mencegah munculnya sastra yang mengambil contoh pada tulisan popular dari awal kurun ke-20. Maka tanpa restu daripada penguasa pentadbiran kolonial terbitlah karya seperti *Hikayat Faridah Hanom* yang dengan jelas terpengaruh oleh karya popular bandar dan dengan pengarang yang diilhami seniornya dari Pulau Penyangat.

## NOTA

1. Catatan harian Encik Dolah (1902-4) berupa naskah tersimpan di dalam koleksi manuskrip Yayasan Indrasakti Pulau Penyangat (ms no. 2). Saya sangat berterima kasih kepada Hasan Junus yang dengan murah hati memberikan salinan daripada transliterasi yang dibuatnya.
2. Sasrasoeganda 1921:137-9, bunyi teks aslinya sebagai berikut: 'Dumugi ing dalemipun Raja Haji, Raja Haji saweg ngupakara serat karangan sariranipun ageng aginuk-ginuk namung tandangipun cekat trengginas, sareng priksa kula tiyang kakalih badhe sowan lajeng handangu dhateng hencik Eliyas: siyape itu kau bawe, Encik Eliyas, kula matur: hambe, dhateng dhari tanah Jawe. Dari Betawi; Bukan dhari Jokje. Ah, saye tak pake baju. Taka ape ya. Tak ape. [...] sapunika kakaremenanipun ngudi kawruh sarta nganggit serat utawi nyara-mlajengaken serat-serat Arab ing wektu punika nyara-mlajengaken serat Sewu Satunggal Dinten ingkang dados titimbanganipun serat Sewu Satunggal Dalu, ingkang sampun sumebar ing jagat, pangiketipun mawi sair. Kula kadhawahan maos sakaca kali kaca, kathah ingkang bongga, tembungipun Malajeng dakik-dakik tur dipunsalundhingi tembung Arab... Serat Sewu Satunggal Dinten yasanipun Raja Haji wahu badhe dados seket jilid kirang langkung, ingkang sampun rampung gangsal welas jilid seratanipun mawi potelot kemawon badhe kaecap timah wonten ing Singapura, awit saking panedhanipun sudagar buku ing Singapura.' *Syair Seribu Satu Hari* rupanya tidak sampai lima puluh jilid: yang diulang terbitkan pada tahun 2004 tanpa menyebut sumbernya sepertinya hanya satu jilid dengan cerita kelima dalam rangkaian cerita berbingkai itu terpotong (lihat Sharniza Sahir 2004). Salah satu sifat yang membuat syair itu menarik ialah pendahulunya yang antara lain mengandung pesan dan nasihat kepada *qari* (pembaca) dan *sami*'



(pendengar). Selain itu teks syair dibahagi ke dalam adegan yang dinampakkan dengan jelas dalam teks melalui tajuk masing-masing.

3. Di bawah gambar di halaman 71 yang menayangkan pasangan lelaki dan perempuan seraya berpegangan tangan yang ditambahkan dengan mahkota di atas kepalanya yang digambar dengan pensil, terdapat rangkap syair sebagai berikut: 'Melakat perjumpaan empunya peri//telah maklum sami' dan qari//qalam nan enggan dari berlari//lemah lesu tangan dan jari'.

#### RUJUKAN

- Abu Hassan Sham. 1993. *Puisi-puisi Raja Ali Haji*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andaya, Barbara Watson. 1977. From Rum to Tokyo: The Search for Anticolonial Allies by the Rulers of Riau, 1899-1914. *Indonesia* 24: 123-56.
- \_\_\_\_\_. 2003. Gender, Islam and the Bugis Diaspora in Nineteenth- and Twentieth-Century Riau. *Sari* 21: 77-108.
- Aswandi Syahri. 2001. Kama-Sutra atau Babul Jimak Melayu, *Sagang* 35 (Ogos): 11-13.
- Barnard, Timothy P. 1994. Taman Penghiburan: Entertainment and the Riau Elite in the Late 19th Century. *Journal of the Malaysian Branch, Royal Asiatic Society* 67 (2): 17-46.
- Braginsky, V. I. 1993. *The System of Classical Malay Literature*. Leiden: KITLV Press. (Working Papers 11, Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde).
- \_\_\_\_\_. 2004. The *Syair Indera Sebaha* in the Context of Literary Relations Between Muslim India and the Malay World. Kertas kerja di Seminar Sastera Cetak Abad ke-19. 14-15 Disember. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Camoens, Cantius Leo. 1982. The Wayang Parsi, Tiruan Wayang Parsi, Komidi Melayu and the Bangsawan, 1887-1895. *Malaysia in History* 25: 1-25.
- Chambert-Loir, Henri. 1991. Malay Literature in the 19<sup>th</sup> Century. The Fadli Connection: 87-114. Dlm. *Variation, Transformation and Meaning. Studies on Indonesian Literatures in Honour of A. Teeuw*. Ras, J. J. & S.O. Robson (ed). Leiden: KITLV Press. (Verhandelingen, 144).
- Cohen, Matthew Isaac. 2001. On the Origin of the Komedi Stamboel. Popular Culture, Colonial Society, and the Parsi Theatre Movement. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 157(2): 313-57.
- Fakhri, S. M. A. K. 1999. Cues for Historiography?: Print Culture, Print Leaders and Print Mobility among Tamil Muslims in Southeast Asia, ca. 1875-1960. Paper Presented at the Conference on Southeast Asian Historiography since 1945, 30 July- August 1999, Penang.
- Gallop, Annabel Teh. 1990. Early Malay Printing: an Introduction to the British Library Collection. *Journal of the Malaysian Branch, Royal Asiatic Society* 63(1): 85-124.
- Junus, Hasan. 1998. *Koleksi Naskah dan Buku-Buku Lama Yayasan Kebudayaan Indera Sakti Pulau Penyengat Tanjungpinang*. (Typescript)
- Junus, Umar. 1988. Illustrations and Malay Stories: A Preliminary Statement. *Malay Literature* 1(1): 100-115.
- Khalid M. Hussein (ed.). 1992. *Syair Indra Sebaha*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Koster, G. L. 1997. *Roaming Through Seductive Gardens. Readings in Malay Narrative*. Leiden KITLV Press. (Series Verhandelingen, 167)
- Kridalaksana, Harimurti. 1991. Sejarah Pembagian Kelas Kata dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia: 284-314. Dlm. *Masa Lampau Bahasa Indonesia: Sebuah Bunga Rampai*. Harimurti Kridalaksana (ed.). Yogyakarta: Kanisius. (Seri Ildep).
- Maier, Henk. 1997. Maelstrom and Electricity. Modernity in the Indies: 181-98. Dlm. *Outward Appearances: Dressing State and Society in Indonesia*. Schulte Nordholt, Henk (ed.). Leiden: KITLV Press.
- \_\_\_\_\_. 2004. *We Are Playing Relatives: A survey of Malay writing*. Leiden: KITLV Press. (Series Verhandelingen, 215)
- Matheson, Virginia. 1985. Kisah Pelayaran ke Riau: Journey to Riau, 1984. *Indonesia Circle* 36: 3-22.
- Matheson Hooker, Virginia. 2000. *Writing a New Society: Social Change Through the Novel in Malay*. ASAA Southeast Asia Publications Series.
- Mukherjee, Wendy. 1997. The Love Magic of Khatijah Terong of Pulau Penyegat, *Review of Indonesian and Malaysian Affairs* 31(2): 29-46.
- Peringatan*. 1 tahun 1. Mei 1939, kepala pengarang: Radja Hadji Moehamad Joenoes Ahmad, Goeroe Agama Penjengat Riouw. Tanjung Pinang: [Tiada nama penerbit].
- Proudfoot, I. 1986. A Formative Period in Malay Book Publishing. *Journal of the Malaysian Branch, Royal Asiatic Society* 59(2): 101-32.
- \_\_\_\_\_. 1993. *Early Malay Printed Books: a Provisional Account of Materials Printed in the Singapore-Malaysia Area up to 1920, Noting Holdings in Major Public Collections*. [Kuala Lumpur]: Academy of Malay Studies and the Library University of Malaya.
- \_\_\_\_\_. 1994. *The Print Threshold in Malaysia*. Melbourne: Centre of Southeast Asian Studies, Monash University. (Working paper 88).
- \_\_\_\_\_. 2002. From Recital to Sight-Reading: the Silencing of Texts in Malaysia. *Indonesia and the Malay World* 30(87): 117-44.
- Putten, Jan van der. Some Preliminary Observations about Popular Malay Writings of the 1950s. (Kertaskerja dibentangkan pada 27 Mei 2003 di Leiden. (Akan terbit)
- Rahmah Bujang. 1975. *Sejarah Perkembangan Drama Bangsawan di Tanah Melayu dan Singapura*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Reay, Barry. 1991. The Context and Meaning of Popular Literacy: Some Evidence from Nineteenth-Century Rural England. *Past and Present* 131: 89-129.
- Roff, William R. 1964. The Malayo-Muslim World of Singapore at the Close of the Nineteenth Century. *Journal of Asian Studies* 24(1): 75-90.
- Sasrasoeganda, R. 1921. *Kekésahan dateng Rijo*. Weltevreden: Drukkerij Volkslectuur.
- Sharniza Sahir (ed). 2004. *Syair Seribu Satu Hari*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Sheikh bin Ahmad al-Hadi. 1985. *Faridah Hanom*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Tan Sooi Beng. 1993. *Bangsawan: a Social and Stylistic History of Popular Malay Opera*. Singapore: Oxford University Press.
- Wan Abdul Kadir. 1988. *Budaya Popular Dalam Masyarakat Melayu Bandaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah. 1996. Koleksi Surat Raja Haji Ahmad Riau: Suatu Pengenalan. *Jurnal Filologi* 5: 87-102.



Jan van der Putten, Ph. D.  
Department of Malay Studies  
Faculty of Arts and Social Sciences  
National University of Singapore  
AS1, #05-04, 11 Arts Link  
Singapore 117570  
e-mail: mlsjvdp@nus.edu.sg

